

**SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN BERMUKUN BERKUMPULAN
SEMPENA PENTAS KEBUDAYAAN AMANAH KHAIRAT
ANJURAN YAYASAN BUDAYA MELAYU SARAWAK 2015**

"Aspirasi Serumpun Seni Budaya Melayu Daerah Saratok"

SYARAT AM PENYERTAAN

1. Penyertaan adalah **PERCUMA**
2. Terbuka kepada mana-mana kumpulan bermukun mewakili kampung-kampung atau taman perumahan, kawasan kediaman, pertubuhan, perkumpulan dan jabatan dalam kawasan Dewan Undangan Negeri N33 Kalaka sahaja.
3. Penyertaan adalah secara berkumpulan
4. Bilangan ahli yang **DIDAFTARKAN** bagi setiap kumpulan hendaklah **TIDAK KURANG** dari **ENAM** dan **TIDAK LEBIH** dari **LAPAN** orang seperti berikut ;
 - 4.1 **SEORANG** Pengurus Pasukan (**WAJIB**)
 - 4.2 **DUA** Seh Gendang (**WAJIB**)
 - 4.3 **EMPAT** orang penandak dan sekurang-kurangnya **SEORANG** daripada mereka adalah **PENOPENG (WAJIB)**
 - 4.4 **SEORANG** pemain biola (jika ada) **TIDAK WAJIB**
 - 4.5 **SEORANG** peserta simpanan (jika ada) **TIDAK WAJIB**
5. Mengisi, melengkapkan dan mengembalikan borang rasmi penyertaan kepada urusetia pertandingan berserta **Salinan Kad Pengenalan** semua ahli kumpulan pada atau sebelum tarikh tutup yang ditetapkan.
6. Peralatan muzik seperti gendang, biola dan lain-lain adalah tanggungjawab kumpulan yang mengambil bahagian.
7. Segala kos penyertaan seperti pengangkutan, makan dan minum menjadi tanggungjawab kumpulan masing-masing.
8. Pihak pengajur **TIDAK BERTANGGUNGJAWAB** terhadap Keselamatan kumpulan, peserta dan harta benda mereka sepanjang penyertaan ini.
9. **Tarikh Tutup penyertaan, Taklimat dan cabutan undi giliran** adalah pada jam **10.00 pagi hari Ahad 16 Ogos 2015 bertempat di Bilik Mesyuarat Lakis Saratok.** Pengurus atau wakil kumpulan WAJIB hadir.
10. **BORANG PENYERTAAN** boleh didapati daripada Pejabat LAKIS Saratok, Pejabat Penerangan Daerah Saratok Dan Pejabat Ketua-Ketua Masyarakat Melayu Saratok.

Sebarang Pertanyaan Sila Hubungi atau SMS

**URUSETIA PERTANDINGAN
ENCIK MOHAMAD KAHLIK BIN HAJI JERNI
DITALIAN 019-8121975 / 011-31810975**

PERATURAN PERTANDINGAN

1. Pertandingan adalah secara **BERKUMPULAN** seperti yang dijelaskan dalam **Perkara 4 dalam Syarat Am Penyertaan**
2. Penganjur akan menyediakan penilai dan hakim yang mahir dan berpengalaman dalam bidang yang dipertandingkan
3. Pertandingan ini adalah diperingkat akhir. Namun jika jumlah penyertaan melebihi sasaran maka pihak penganjur BERHAK mengadakan saringan awal pada tarikh dan masa yang akan dimaklumkan semasa taklimat.
4. Tarikh pertandingan adalah pada malam 21 Ogos 2015 (Siang Jumaat Malam Sabtu) Bertempat di Arena Petanque Saratok
5. Penaziran, penilaian dan penghakiman dibuat berdasarkan kombinasi persembahan kumpulan secara menyeluruh merangkumi aspek berikut ;

5.1 Dendangan atau Irama Gendang 40 markah

Irama dendangan yang popular bagi gedang Melayu Asli Sarawak antaranya Seri Sarawak atau Sayang Sarawak, Samsudin, Labuan, Bercerai Kasih, Laila Majnun, Dandan Beranyut, Asam Paya, Air Amboi, Indung Anak, selendang Mayang, Air Pasang dan banyak lagi.

5.2 Gerak Tandak 30 markah

Pola kereografi atau gerak asas tandak dengan variasi bunga tandak yang kemas, teratur dan menarik serta setingkah dengan irama gendang. Seperti gerakan tandak menapak setempat, menapak sorong tarik, teter, seret, sauk, sendeng dan diakhiri dengan tandak sasi. Kombinasi pergerakan, hayunan tangan dan kaki kiri serta kanan atau sebaliknya.

5.3 Menopeng (Jual Beli Pantun) 20 markah

Jual beli pantun antara seh gendang dengan penopeng tiada had bilangan tetapi hendaklah dalam masa yang ditetapkan. dan ada penutupnya. Pantun yang digunakan hendaklah tidak menyentuh sensitiviti mana-mana kaum, agama atau individu.

5.4 Disiplin Pentas, Pengurusan Masa, Ketrampilan Dan Pakaian 10 markah

Pengurusan masa dan ruang, penampilan dan perwatakan yang menarik, keserasian, kesantunan dan penggunaan pakaian yang beridentitikan adat budaya dan kesenian Melayu.

Catatan

Penggunaan alat muzik seperti biola, akordian, gong dan seumpamanya adalah dibenarkan tetapi bukan bonus dan tidak mempunyai nilai tambah

6. Masa diperuntukan untuk setiap kumpulan adalah **15 MINIT** termasuk, masa persediaan, persembahan dan penutup

7. Hadiah yang ditawarkan
 - Johan RM800 Beserta Piala Iringan Dan Sijil Penyertaan
 - Naib Johan RM600 Beserta Piala Iringan Dan Sijil Penyertaan
 - Tempat Ketiga RM400 Beserta Piala Iringan Dan Sijil Penyertaan
- 7 Hadiah Saguhati Bernilai RM100.00 setiap satu
8. Pihak pengajur **BERHAK** meminda, mengubah atau memansuhkan mana-mana syarat dan peraturan pertandingan dari masa ke semasa **TANPA NOTIS** atau **TANPA MEMAKLUMKAN** kepada kumpulan atau peserta terlebih dahulu.
9. Perlanggaran mana-mana syarat dan peraturan menyebabkan penyertaan kumpulan terbatal dan tersingkir dari pertandingan.
10. Keputusan hakim adalah **MUKTAMAD**